

# Lapor politik wang

## Dr M mesti kemuka bukti kepada Lembaga Disiplin: Najib

Oleh Anwar Hussin, Hassan Omar, Shamshul Azree Samshir dan Faiza Zainudin

**P**ETALING JAYA: Datuk Seri Najib Razak meminta Tun Dr Mahathir Mohamad membuat laporan kepada Lembaga Disiplin Umno jika mempunyai bukti wujud gejala politik wang pada pemilihan perwakilan Umno bahagian Kubang Pasu, Sabtu lalu.

Timbalan Perdana Menteri berkata, jika bekas Perdana Menteri itu atau mana-mana ahli Umno lain mempunyai aduan mengenai politik wang, mereka boleh melaporkannya terus kepada jawatankuasa disiplin.

"Aduan itu perlu disertai bukti tertentu atau fakta yang boleh dijadikan asas untuk dijadikan siasatan oleh lembaga disiplin kerana kita memang hendak menghapuskan politik wang seperti yang sudah dinyatakan kepimpinan parti.

"Bagaimanapun kita tidak boleh bertindak tanpa bukti atau aduan," kata Najib yang juga Timbalan Presiden Umno kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan dan Pameran Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan (Niosh) 2006, di Pusat Konvensyen Sunway di sini semalam.

Kelmarin, Dr Mahathir berkata beliau menerima kekalahannya untuk menjadi perwakilan Umno Bahagian Kubang Pasu ke perhimpunan agung parti, tetapi mendakwa ia disebabkan rasuah di kalangan perwakilan.

Beliau berkata, mengikut prosedur, perlu ada aduan rasmi bagi sesuatu tuduhan itu disiasat dan sesiapa pun daripada Bahagian Kubang Pasu boleh membuat aduan rasmi itu.

Berhubung kenyataan Dr Mahathir bahawa beliau akan terus bersuara mengenai sebarang keputusan kerajaan yang dianggap salah, Najib berkata, tiada siapa pun menghalang Dr Mahathir daripada bercakap.

Di KUALA LUMPUR, Ketua Pemuda Umno, Datuk Seri Hishammuddin Hussein pada sidang media di lobi Parlimen berkata: "Saya bukan



**CIRI KESELAMATAN:** Najib tertarik melihat kasut keluaran Top Safe yang pertama di Malaysia menggunakan teknologi nano silver iaitu antibakteria, antivirus dan antifungus selepas merasmikan persidangan dan pameran Niosh 2006 di Petaling Jaya, semalam. Turut menyaksikan, Pengerusi Niosh, Tan Sri Lee Lam Thye dan Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Fong Chan Onn.

nak nasihat Tun tetapi kita ada saluran dan kaedah, kita sendiri laporkan dan kita akan siasat.

Hishammuddin yang juga Menteri Pelajaran berkata jika politik wang benar-benar berlaku di bahagian Kubang Pasu, anak Dr Mahathir, Datuk Mukhriz tidak akan dipilih menjadi anggota perwakilan.

Di PUTRAJAYA, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Nazri Aziz menyifatkan dakwaan Dr Mahathir mengenai rasuah dalam pemilihan perwakilan Umno itu sebagai tuduhan liar serta menghina perwakilan bahagian itu.

Nazri berkata, beliau tidak fikir anggota perwakilan Umno Kubang Pasu sanggup merendahkan harga diri dengan tawaran RM200.

Beliau berkata demikian selepas

selepas menyampaikan hadiah kepada pemenang Pertandingan Akhir Pidato Pencegahan Rasuah Pra Universiti Peringkat Kebangsaan.

Nazri berkata, tuduhan Dr Mahathir dianggap tidak tepat kerana ia boleh dibuat sesiapa saja dalam keadaan seperti itu.

"Dalam perkara ini, macam-macam boleh dibuat. Kalau ditunjuk dengan sampul surat, wang... tapi yang menghairankan saya, nombor 14 (pada senarai pencalonan) boleh kalah, kalau nak kira bayar RM200, boleh menanglah," katanya.

Di KULIM, Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz mahu Dr Mahathir mengurangkan cakap kerana apa yang ditimbulkannya dikhuatiri boleh menyekat usaha kerajaan mencapai Wawasan 2020.

Beliau berkata, lagi kurang bekas Perdana Menteri itu bercakap, adalah lebih baik bagi membolehkan kerajaan melaksanakan agenda nasional memabitkan Melayu dan kaum lain dengan lebih berkesan.

"Jika Tun sayang negara ini, ingin melihat agenda Melayu dan rakyat pelbagai kaum dapat direalisasikan menjelang 2020, tolong kami melaksanakannya, bukan sekat kami," katanya yang juga yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri selepas merasmikan kilang Infection Technology AG.

Sementara itu, Setiausaha Kerja Umno, Brig Jen (B) Datuk Husainy Hashim, yang dihubungi bagi mengulas perkara itu berkata, Dr Mahathir boleh mengemukakan aduan kepada lembaga disiplin.